

# Keberkesanan GST buka mata

BH 07/03/2019

M5. 20

➔ **Pembangking  
akui pelaksanaan  
tingkat  
perolehan negara**

**Oleh Nadia Hamid**  
nnadia@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

**K**eberkesanan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikuatkuasakan sejak 1 April 2015 bagi meningkatkan perolehan kerajaan, akhirnya membuka mata pembangkang untuk meneruskan sistem percukaian itu.

GST kini diakui sebagai instrumen cukai yang sangat cekap dan dijangkakan boleh memberi pulangan kutipan RM65 bilion, dalam masa tiga tahun akan datang.

Tahun lalu, jumlah kutipan GST meningkat RM3 bilion, iaitu RM44

bilion berbanding RM41 bilion pada 2016.

Sebelum ini, ketika usul GST dibawa ke Dewan Rakyat, pembangkang menolak sekeras-kerasnya pelaksanaan GST kerana didakwa akan menyusahkan rakyat, sekali gus mengheret rakyat berdemons-trasi di jalanan.

**Kelangsungan, strategi politik pembangkang**

Pakar ekonomi, Prof Dr Barjoiyai Bardai, berkata tidak mustahil tindakan pembangkang yang dilihat cuba mempraktikkan amalan GST adalah untuk kelangsungan dan strategi politik mereka, semata-mata dalam usaha mengumpukan undi pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"GST diperlukan oleh kerajaan sebagai sumber hasil," katanya menerusi sistem pesanan ringkas ke-pada *New Straits Times Press* (NSTP).

Sementara itu, pakar Geostategis, Azmi Hassan, mendakwa pembangkang memberikan janji

kurangan pendapatan mereka daripada kutipan GST.

"Apabila mereka mula untuk meniru keberkesanan pelaksanaan GST, cadangan seperti ini dianggap tidak logik kerana pelaksanaan GST memerlukan masa yang lama," katanya.

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, menga-kui kutipan GST sebagai punca pendapatan utama bagi kerajaan selepas kutipan cukai syarikat.

"Kutipan GST merangkumi 50 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) negara. Semakin tinggi penggunaan swasta, semakin tinggi kutipan GST.

"Kutipan GST bergantung kepada situasi ekonomi semasa, terutama penggunaan swasta, yang membabitkan perbelanjaan isi rumah dan perbelanjaan kepenggu-naan," katanya.

Difahamkan, manifesto Pakatan Harapan bagi PRU-14 dijangka akan memasukkan pelaksanaan cukai GST.




## PRU14 #jomundi

yang 'populis' tetapi boleh merosakkan ekonomi negara.

"Memang GST, satu isu yang boleh railh simpati dan menarik sokongan pengundi, tetapi jika dihujah dengan cara betul, ia bakal memberi kesan negatif kepada Pakatan Harapan.

"Sebelum ini, pembangkang memberikan cadangan untuk menghapuskan rasuah dan tadbir urus efisien bagi menampung ke-



**Tidak mustahil  
tindakan**

**pembangking yang  
cuba praktikkan  
amalan GST semata-  
mata dalam usaha  
mengumpukan undi  
pada PRU-14"**

**Barjoiyai Bardai,**  
Pakar ekonomi